



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**14 NOVEMBER 2014**

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN MOHAMED, PENERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) BERHUBUNG SYOR LAPORAN PAC KEPADA KERAJAAN.**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mahu kerajaan menghantar laporan mengenai tindakan yang sudah dan bakal diambil kepada kakitangan awam atau syarikat selepas ia dibentangkan dalam syor laporan jawatankuasa berkenaan di Parlimen.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata tindakan berkenaan amat perlu dan penting untuk memastikan setiap syor dalam laporan PAC mendapat perhatian serius oleh kerajaan sekali gus mewujudkan budaya takut diaudit di kalangan kakitangan awam dan syarikat yang mendapat projek daripada kerajaan.

“Saya mengalu-alukan sesi taklimat yang diadakan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa berhubung tindakan diambil kerajaan hasil daripada pendedahan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) melalui jawatankuasa yang dibentuk dan dipengerusikan beliau sendiri.

“Bagaimanapun, ia juga boleh dilihat sebagai satu bentuk tindakan melindungi kakitangan awam kerana siasatan dilakukan oleh kakitangan awam itu sendiri dan ada kemungkinan wujud kepentingan konflik. Ia amat berbeza dengan apa yang dilakukan PAC sebagai sebuah jawatankuasa yang benar-benar bebas kerana dianggotai wakil rakyat daripada kerajaan dan pembangkang,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Nur Jazlan menegaskan PAC sebagai sebuah jawatankuasa di bawah bidang kuasa Parlimen perlu dilihat menjalankan fungsinya sebagai sebuah badan audit dalaman untuk kerajaan dalam memastikan wang rakyat benar-benar dibelanjakan secara berhemah dan bertanggungjawab oleh semua pihak.

Katanya, setiap syor yang dirumuskan dalam Laporan PAC dipersetujui semua ahli secara konsensus dan ia sudah melalui pelbagai prosedur yang ditetapkan sebelum dibentangkan kepada Ahli Parlimen di Dewan Rakyat.

“Setiap kali PAC menjalankan prosiding berhubung isu yang dibangkitkan dalam LKAN, kita memanggil Pegawai Pengawal Kementerian terbabit iaitu Ketua Setiausaha dan jika ia membabitkan pihak ketiga seperti syarikat, PAC juga memberi peluang kepada syarikat atau orang awam sendiri untuk datang memberikan keterangan kepada PAC.

“Walaupun, PAC tidak mempunyai kuasa untuk menghukum mana-mana pihak tetapi jawatankuasa ini, turut dianggotai wakil tetap Kementerian yang berkepentingan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara dan Jabatan Akauntan Negara dalam memastikan setiap rumusan dan syor menepati prosedur dan tatacara perkhidmatan awam,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, adalah amat penting kepada kerajaan memberikan laporan kepada PAC terhadap setiap syor dan rumusan yang dinyatakan dalam laporan jawatankuasa berkenaan mengenai isu yang dibincangkan hasil daripada LKAN.

Justeru Nur Jazlan berkata, beliau akan menulis surat kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa bagi mengetahui status tindakan terhadap segala syor dan rumusan hasil laporan yang dibentangkan di Parlimen.

Sehingga kini, katanya, PAC sudah membentangkan sembilan laporan di Dewan Rakyat dan yang terkini, adalah laporan berhubung pengurusan pembinaan insinerator oleh Kementerian Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesejahteraan Bandar.